

**SURAT PERJANJIAN KAKITANGAN KONTRAK
NAMA IPS :**

SETEM
HASIL
RM10.00

PERJANJIAN INI diperbuat pada **1 hb JANUARI 2020**

DI ANTARA **TADIKA A**, suatu institusi pendidikan swasta dan suatu badan berkanun yang ditubuhkan di (kemudian dari ini disebut sebagai “IPS”) sebagai pihak pertama dan **XXXXXX** dari (kemudian dari ini disebut sebagai “Guru/ Pekerja”) sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:-

- TADIKA A** akan mulai **1 JANUARI 2020** hingga **31 DISEMBER 2020** melantik Pegawai tersebut dan Pegawai tersebut akan berkhidmat dengan **TADIKA A** sebagai seorang **GURU** dan sebagai salah seorang kakitangan di dalam **TADIKA A** sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi **TADIKA A** bagi tempoh dan tertakluk kepada terma-terma serta syarat-syarat yang terkandung di dalam ini. Pelantikan
- Tempoh perkhidmatan Pegawai tersebut (tertakluk kepada seperti yang terkandung di dalam ini) akan berjalan bagi tempoh **1 (SATU) tahun** (selepas dari ini disebut sebagai tempoh pelantikan”) dengan syarat bahawa tempoh pelantikan Tempoh Perkhidmatan Pelantikan

tersebut tidak berakhir pada hari-hari lain selain dari hari terakhir pada bulan yang mana tahun tersebut berakhir.

3. (i) Pegawai tersebut hendaklah memberi notis secara bertulis kepada **TADIKA A** enam (6) bulan sebelum berakhirnya tempoh pelantikan tersebut, sama ada Pegawai tersebut bersetuju untuk melanjutkan tempoh perkhidmatannya dengan **TADIKA A** setelah tamatnya tempoh pelantikan beliau dan **TADIKA A** akan memberitahu secara notis bertulis kepada Pegawai tersebut sama ada **TADIKA A** akan mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh pelantikan beliau atau tidak.
- (ii) Tertakluk kepada Fasal 3(i), tempoh pelantikan Pegawai tersebut boleh dilanjutkan untuk tempoh yang maksima selama enam (6) bulan.
- (iii) Tertakluk kepada Fasal 3(i), tempoh pelantikan Pegawai tersebut boleh diperbaharui bagi tempoh selanjutnya iaitu **6 BULAN**.
- (iv) Walau apapun peruntukan Fasal 3(iii), tempoh pelantikan Pegawai tersebut boleh di bawah keadaan khas dilanjutkan bagi tempoh satu (1) tahun.
4. Apa-apa lanjutan atau pembaharuan tempoh pelantikan Pegawai tersebut oleh **TADIKA A** mestilah berdasarkan terma-terma dan tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
5. Pegawai tersebut akan sepanjang tempoh pelantikan:-
- (i) Melakukan tugas sebagaimana senarai yang disediakan oleh Pengerusi/ Guru Besar dan lain-lain tugas yang diperlukan oleh **TADIKA A**.
- Melanjutkan Tempoh Pelantikan
- Terma Lanjutan dan Pembaharuan
- Tanggungjawab Pegawai Bidang tugas

- | | | |
|-------|---|--|
| (ii) | Menumpukan ke semua masa dan perhatian beliau kepada perkhidmatan TADIKA A dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjaga dan meningkatkan kepentingan TADIKA A . | Meningkat
Kepentingan
IPS |
| (iii) | Patuh dan akur kepada segala arahan dan perintah yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi melalui Guru Besar yang diberi kuasa oleh TADIKA A . | Perintah dan
Arahan IPS |
| (iv) | Sebagaimana yang berkenaan dan tidak bercanggahan atau berlainan dengan perjanjian ini, patuh dan akur kepada Perlembagaan, Akta-akta dan Peraturan dan apa jua tambahan atau pindaan kepada Perlembagaan, Akta-akta atau Peraturan TADIKA A . | Perlembagaan
Akta-akta dan
Peraturan IPS |
| (v) | Tidak akan menyebarkan maklumat-maklumat mengenai perihal TADIKA A kepada orang-orang yang tidak dibenarkan menerima maklumat tersebut. | |
| (vi) | Menyediakan, sekiranya dikehendaki oleh Pengerusi/ Guru Besar, sebarang sekuriti di dalam bentuk yang akan ditentukan oleh TADIKA A bagi pelaksanaan tugas-tugas beliau dengan secara jujur dan benar dan segala premium yang perlu dibayar ke atas sekuriti tersebut boleh ditolak oleh TADIKA A dari gaji Pegawai tersebut. | Sekuriti |

6. **TADIKA A** DENGAN INI BERJANJI AKAN:-

- | | | |
|-----|---|----------------------------------|
| (i) | Membayar gaji sepanjang tempoh pelantikan Pegawai tersebut menurut kadar yang terkandung di dalam Jadual DENGAN SYARAT SENTIASANYA bahawa di mana suatu peruntukan yang dibuat di bawah jadual bagi bayaran gaji. | Tanggungjawab
IPS

Gaji |
|-----|---|----------------------------------|

- (ii) Memberi kemudahan bercuti kepada Pegawai tersebut bagi tempoh pelantikan beliau menurut peraturan-peraturan

Cuti

TADIKA A.

7. Sekiranya suatu Lembaga Perubatan yang diarahkan oleh **TADIKA A** untuk memeriksa Pegawai tersebut mengesahkan secara bertulis bahawa menurut pendapat mereka Pegawai tersebut (tidak mampu untuk berkhidmat dengan cekap di Malaysia) disebabkan oleh kewarasan fikiran atau kesihatan tubuh badan beliau dan ketidakmampuan tersebut bukanlah disebabkan oleh kesilapan, kecuaiian atau salah budibicara Pegawai tersebut boleh diberhentikan oleh **TADIKA A** dan tertakluk kepada hak-hak beliau di bawah Fasal 6(i) ini. Pegawai tersebut kemudiannya tidak lagi berhak untuk menerima sebarang gaji selain dari gaji yang patut diterima sebelum perjanjian ini ditentukan menurut cara yang tersebut di atas.

8. Sekiranya Pegawai tersebut pada bila-bila masa:-

- (i) Didapati bersalah melakukan apa-apa kesalahan oleh mana-mana Mahkamah yang mana kesalahan tersebut akan mencemarkan nama baik **TADIKA A**; ATAU
- (ii) Diisytiharkan sebagai seorang bankrap; ATAU
- (iii) Didapati pada bila-bila masa bersalah melakukan kelakuan tidak senonoh; ATAU
- (iv) Gagal untuk mematuhi dan melaksanakan tugas-tugas beliau, perjanjian dan lain-lain yang dituntut ke atasnya.

Pemecatan

Maka **TADIKA A** berhak untuk memecat beliau dan apabila dipecat, segala hak-hak dan kemudahan yang dikhaskan kepada Pegawai tersebut di bawah perjanjian ini akan ditarik balik oleh **TADIKA A**.

9. **TADIKA A** boleh menamatkan pada bila-bila masa perkhidmatan Pegawai tersebut dengan memberi kepadanya notis bertulis sebagaimana yang terkandung di dalam jadual atau dengan membayar sebulan gaji kepada Pegawai tersebut sebagai ganti notis bertulis itu.

10. Pegawai tersebut boleh pada bila-bila masa menamatkan pelantikan beliau dengan memberi kepada **TADIKA A** satu notis bertulis sebagaimana yang terkandung di dalam jadual atau dengan membayar kepada **TADIKA A** sebulan gaji sebagai ganti notis bertulis tersebut.

Penamatan oleh
IPS

11. Perjanjian ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian atau percanggahan di antara Pegawai tersebut dan **TADIKA A** di atas pentaksiran atau pelaksanaan perjanjian ini, atau berkenaan dengan apa-apa perkara di dalam apa-apa bentuk yang mungkin timbul atau kaitan dengannya, perkara yang dipertikaikan hendaklah dirujuk kepada dua penimbangtara yang mana setiap pihak akan melantik seorang pengadil, dan jika terdapat perbezaan pendapat di antara kedua-dua penimbangtara tersebut perkara ini dirujuk kepada seorang pengadil yang dilantik oleh kedua-dua penimbangtara tersebut, Akta Timbangtara (No. 93) akan digunakan untuk penyelesaian timbangtara yang dirujuk di atas.

Penamatan oleh
Pegawai
tersebut

12. Sebagai tambahan kepada yang di atas, segala syarat-syarat yang terkandung di dalam jadual di bawah adalah menjadi sebahagian dari perjanjian ini.

13. (i) Selain dari mana yang telah termaktub, perkataan yang membawa erti gender lelaki di dalam perjanjian ini hendaklah termasuk gender perempuan;
- (ii) Nota-nota tepi yang terdapat di dalam perjanjian ini tidak menjadi sebahagian dari perjanjian ini.

JADUAL

1. FASAL (6)(i) GAJI: **RM 1,200.00**
(Gaji permulaan yang ditawarkan) sebulan bergantung kepada persetujuan bersama pihak IPS.
2. FASAL 6(iii)
GANJARAN
Mencarum Kepada KWSP
(11% - caruman majikan dalam KWSP) x (gaji akhir x jumlah bulan perkhidmatan) – (jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP).
Tidak Mencarum Kepada KWSP
(11% x gaji akhir x jumlah bulan perkhidmatan)
3. FASAL 6(iv)
Pegawai tersebut berhak mendapat cuti pada kadar **(Ikut Kelayakan Cuti)** setahun bagi bulan-bulan perkhidmatan. Cuti perlulah diambil dalam tahun ianya terkumpul dan cuti tersebut perlu diambil sebelum tarikh tamat kontrak.

Tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa, apabila pegawai atas sebab kepentingan perkhidmatan tidak dapat mengambil cuti rehatnya yang dia layak di bawah atau mengikut Kontrak ini, pegawai layak diberi wang tunai sebagai gantian. Kelayakan itu hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008 atau pekeliling atau arahan lain Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
4. FASAL 8/FASAL 9/ FASAL 10
NOTIS PEMBERHENTIAN hendaklah diberi oleh **TADIKA A** atau Pegawai tersebut sekurang-kurangnya **30 hari notis atau satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis.**

PADA YANG MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari ini dan tahun mula-mula bertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH) -----
(Penama)) **(NAMA PEGAWAI)**

dihadapan:-

TANDATANGAN SAKSI) -----
NAMA SAKSI)
JAWATAN/GELARAN)
ALAMAT)

DITANDATANGANI OLEH Pengerusi) -----
(NAMA INSTITUSI)) **(NAMA Pengerusi)**

dihadapan:-

TANDATANGAN SAKSI) -----
NAMA SAKSI) **(NAMA PEGAWAI YANG DIBERI KUASA)**
JAWATAN / GELARAN) (JAWATAN)
ALAMAT) PENOLONG PENDAFTAR INSTITUSI
PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN